



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

17 November 2020
1 Rabiulakhir 1442H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Pantau pertandingan ikan laga• Bahiyuddin cipta bubu gergasi
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">•
Kosmo I	<ul style="list-style-type: none">• Bubu gergasi untuk musim tengkujuh• Alunan lenggok ikan laga• Obsesi drastic sejak PKP• Nama ikan laga dialek Dusun
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">•
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Dateline	<ul style="list-style-type: none">•
Bernama	<ul style="list-style-type: none">•
See Hua Daily News (Kuching)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Sin Chew Daily	<ul style="list-style-type: none">•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		19	17/11/2020

Pantau pertandingan ikan laga

UM 11/19
17/11/2020

SAUDARA PENGARANG.

AKTIVITI perjudian ikan laga bukanlah perkara baharu, malah pernah mendapat liputan luas pada suatu ketika dahulu. Namun sejak kebelakangan ini, pertarungan tersebut kembali mendapat tempat di hati peminat ikan laga.

Difahamkan, ganjaran pertarungan boleh mencecah ribuan ringgit menyebabkan perjudian tersebut mendapat sambutan ramai di seluruh negara.

Dalam perjudian ini, ikan dilagakan sehingga salah seekor mati. Pemilik ikan yang kalah akan membayar wang kepada pihak lawan yang menang.

Atas faktor mahu menang, orang ramai berebut-rebut membeli ikan laga yang kuat dan cantik bagi memastikan mereka memperoleh wang pada hari pertandingan.

Malah, ia turut menjadi ikutan bukan sahaja dalam kalangan penggemar ikan laga, malah kini menjadi kegilaan golongan muda mahu mengumpul wang segera.

Justeru, pihak berkuasa perlu memantau aktiviti yang jelas bercanggah dengan undang-undang negara. Ini kerana pertarungan ini boleh menjadi trend sekiranya tiada tindakan tegas daripada kerajaan.

Selain itu, pertandingan ikan laga dilihat seakan menggalakkan orang ramai terlibat dalam aktiviti perjudian.

“
Difahamkan
ganjaran
pertaruhan
boleh
mencecah
ribuan
ringgit...”



PERTANDINGAN ikan laga perlu diawasi agar orang ramai tidak terjebak dengan aktiviti perjudian. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

MALEK ISA
Melaka

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		
						33	17/11/2020	



BAHIYUDDIN Awang Harun menunjukkan bubu gergasi yang dihasilkannya dalam tempoh 24 jam di Kampung Seberang Pintasan, Dungun, Terengganu. - UTUSAN/ NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

Bahiyuddin cipta bubu gergasi

UM M/s 33
17/11/2020

DUNGUN: Hasrat seorang nelayan dari Kampung Seberang Pintasan di sini untuk meningkatkan hasil tangkapan yang lazimnya kurang pada musim tengkujuh mendorongnya mencipta bubu gergasi.

Bahiyuddin Awang Harun, 34, berkata, bubu berukuran 244 sentimeter panjang dan lebar 183 sentimeter itu dihasilkan menggunakan kayu sungkai, rotan, dawai dan paku dengan kos keseluruhan kira-kira RM300.

Katanya, produk inovasi tersebut mampu mendatangkan pulangan lebih lumayan berbanding hanya 80 kilogram hasil tangkapan yang diperolehi ketika ini menerusi penggunaan bubu bersaiz biasa.

"Sebelum ini kawan-kawan pernah mencadangkan supaya

membuat bubu yang besar untuk meraih lebih banyak hasil dan akhirnya idea itu di-realisasikan pada Jumaat lalu selepas 24 jam bertungkus-lumus menyiapkannya bersama seorang pekerja.

"Penggunaan bubu gergasi ini bakal menangani masalah hasil tangkapan yang berkurangan pada musim tengkujuh kerana kekangan turun ke laut disebabkan keadaan cuaca dan ombak," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Bahiyuddin yang berpengalaman selama 18 tahun sebagai awak-awak dan tekong merupakan penerima Anugerah Nelayan Jaya Terengganu 2019 atas pencapaiannya memiliki bot pada usia 25 tahun dengan kini mempunyai seramai empat pekerja.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO 1	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		18	17/11/2020

KOSMO, 17/11/2020

Bubu gergasi untuk musim tengkujuh

DUNGUN – Seorang nelayan muda membina sebuah bubu gergasi sebagai persiapan keluar ke laut bagi menghadapi musim tengkujuh.

Bahiyuddin Awang Harun, 34, yang diiktiraf sebagai Nelayan Jaya Terengganu 2019 itu berkata, bubu gergasi sepanjang 244 sentimeter (cm) dan mempunyai lebar 183 cm itu disiapkan dalam tempoh kurang 24 jam pada Jumaat lalu.

Menurut beliau, bubu berkenaan diperbuat daripada kayu sukai, rotan, dawai dan paku yang menelan belanja kira-kira RM300.

“Bubu gergasi ini dihasilkan bersama seorang pekerja bagi mengatasi masalah sebahagian

ikan mati di dalam bubu biasa yang bersaiz lebih kecil terutama pada musim tengkujuh.

“Biasanya pada musim tengkujuh hasil tangkapan akan berkurangan kerana waktu turun ke laut agak terhad bergantung kepada faktor cuaca dan ombak,” katanya.

Bahiyuddin yang berasal dari Kampung Seberang Pintasan di sini berpengalaman selama 18 tahun sebagai nelayan dan kini mempunyai bot kelas B sendiri dengan kekuatan empat awak-awak.

Beliau berkata, bubu gergasi berkenaan disasar mendapat hasil berlipat ganda melebihi 80 kilogram sekali tangkapan seperti kebiasaan.

BUBU gergasi yang dibina Bahiyuddin untuk menangkap ikan.



JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL	19	19/11/2020

K2
Menjelani
Hidup Anda

SELASA 17/11/2020

Alunan lenggok ikan laga

Kosmo!

SAMA! rakyat Malaysia kini 'terpaksa' dengan kecantikan ikan laga dan lembut ekornya sehingga menjadikan kegiatan memelihara ikan hiasan tersebut sebagai hobi baharu mengisi masa terluang di rumah masing-masing.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	✓	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	NEUTRAL		20	17/11/2020



Kencana Utama
Oleh MOHD. SHAZWAN YUSOF

SETIAP pagi selepas bangun tidur, Shahrul Ambri Samsuddin, 34, terus memandang ke arah rak kayu kecil berwarna putih di kamar rumahnya di Yan, Kedah.

Di atas rak tersebut tersusun puluhan balang kaca. Di dalam setiap balang itu mengandungi air rendaman daun pokok ketapang dan seekor ikan kecil pelbagai warna.

Lazimnya lelaki yang berkhidmat sebagai anggota keselamatan itu menghabiskan masa hampir 30 minit menhayati lengkok badan dan ahunan lembut ekor ikan laga peliharaannya.

Ikan laga adalah ikan air tawar kecil yang tergolong dalam genus *Betta* yang ditemui di sekitar Asia Tenggara.

Dengan menhayati haiwan akuatik tersebut, fikiran bapa kepada dua cahaya mata itu berasa lebih tenang sebelum memulakan hari baharu dalam kehidupan.

"Setiap hari bangun saja tidur, saya mesti tengok ikan-ikan ini terlebih dahulu. Ikan-ikan ini memberi semangat kepada saya sebelum memulakan hari penuh mencabar.

"Apabila melihat ikan ini berenang di dalam air, fikiran saya seperti berada di awangan. Semua masalah dan tekanan hilang seketika," katanya kepada K2.

Ikan laga dibahagikan kepada tiga keluarga utama iaitu *Betta splendens* (ikan pelaga siam), *Betta imbellis* (ikan mengkaring) dan *Trichopsis urtica* (ikan sempul).

Shahrul Ambri memberitahu,



IKAN laga jenis big ear ini mempunyai pesona yang tersendiri.

Obsesi drastik sejak PKP



MOHD. IRFAN aktif memerhati pergerakan salah seekor ikan laga yang diletakkan di dalam belcas.

minatnya memelihara ikan laga mula bercambah ketika negara berada di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac lalu ekoran pandemik Covid-19.

Jelasnya, sepanjang tempoh hampir tiga bulan itu, Shahrul Ambri yang diminta bertugas dari rumah oleh majikannya terpaksa mencari hobi baharu dalam usaha mengisi masa terluang.

"Disebabkan terlalu bosan duduk di rumah begitu lama, timbul idea memelihara ikan laga selepas melihat ramai rakanranya berbuat demikian.

"Bermula dengan seekor ikan laga dibeli daripada kemalan, kini saya mempunyai lebih 50 ekor daripada pelbagai jenis seperti avatar, half moon, fancy cooper dan condy," terangnya.

Tegas Shahrul Ambri, dia telah berhabis ribuan ringgit bagi membeli ikan-ikan laga daripada para penjual termasuk pembelian secara online dari Thailand dan Indonesia. Katanya, ikan termahal yang dibelinya adalah berharga RM150 dan jenis half moon.

Mengulas mengenai cara penjagaan, Shahrul Ambri memberitahu, dia memulih menggunakan air rendaman daun pokok ketapang atau dipanggil *Millettia catappa*.

Jelasnya, air daun tersebut dapat membantu mengurangkan tekanan

dan merawat luka pada ikan selain mengandungi kimia serta tunjari yang mampu merendahkan nilai pH air.

"Daun pokok ketapang ini saya dapati di hujung kampong. Daun ketapang ini membantu menyertakan lagi warna ikan laga dan membolehkannya hidup lebih lama," terangnya.

Berbeza dengan Mohd. Irfan Mohd. Nor, 29, yang mengakui minat memelihara ikan laga kembali bercambah sejak lima bulan lalu semasa duduk di rumah.

Lelaki yang menetap di ibu kota itu terpenggi untuk memelihara ikan laga selepas tertarik dengan kepelbagaian spesies haiwan akuatik tersebut dewasa ini.

Jelasnya, hobi memelihara ikan laga telah berpuncak sejak remaja lagi dengan merjaidikan spesies liar yang diperoleh di paya-paya sekitar karang halamanya di Kuantan Pahang.

"Minat memelihara ikan ini sudah ada sejak sekian lama. Dahulu saya bela ikan laga spesies kampung untuk berlawan dengan rakan-rakan.

"Selepas meningkat dewasa, minat itu hilang. Namun, selepas melihat kepelbagaian ikan laga moden ini, minat untuk memelihara ikan laga datang kembali," tegas anggota polis tersebut.

Ketika ini, Mohd. Irfan mempunyai lebih kurang 300 ekor ikan laga

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	✓ THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL	21	17/11/2020	



DAUN pokok ketapang dikatakan dapat menyerlahkan warna ikan laga.

termasuk anak-anak yang dibiakkan sendiri olehnya bagi mendapatkan kombinasi warna menarik.

Ceritanya, hasil pembiakan ikan tersebut kemudiannya dijual dengan harga serendah RM5 seekor kepada rakan-rakan yang berkongsi minat sama. "Saya bermula dengan memelihara beberapa ekor ikan sahaja. Kemudian, saya cuba biak sendiri bagi menghasilkan warna-warna lebih rare.

"Kebanyakan anak ikan yang dibiak ini saya pelihara sendiri untuk koleksi, namun apabila ada kawan-kawan minta beli, saya terpaksa jual. Saya masih belum terfikir untuk mengkomersialkan hasil pembiakan ini," ujarnya.

Mohd. Irfan menjelaskan, memelihara ikan laga memerlukan penjagaan yang rapi (terutamanya dari segi makanan dan pertukaran air.

Katanya, dia memilih menggunakan makanan berupa kudu sir dan palet yang diperolehi di kedai haiwan peliharaan berhampiran dengan kediamannya.

"Biasanya, saya beri ikan makan sekurang-kurangnya dua kali sehari iaitu pada waktu pagi dan petang. Kalau sibuk, saya minta isteri atau anak yang berikan.

"Air juga penting, ia perlu ditukar sekurang-kurangnya seminggu sekali. Biasanya, saya menggunakan air paip yang disimpan selama beberapa hari bagi menurunkan nilai pH," ujarnya. Dia menambah, sekiranya air



PELBAGAI ikan laga di dalam akuarium, balang dan bekas kekiliran tersusun di Betta MFA Enterprise, Kemaman, Terengganu.

INFO
Ikan laga

- Jenis ikan air tawar yang sering dipelihara disebabkan keunikan warnanya
- Boleh ditemui di dalam sungai dan kawasan paya di sekitar Asia Tenggara
- Dipercayai mula dipelihara sebagai ikan hiasan sejak tahun 1970
- Secara umumnya memiliki daya tahan yang kuat
- Pergerakannya agresif dan sering menyerang apabila bertang

digunakan mempunyai asid berlebihan atau luman, ikan laga berpotensi mendapat penyakit sirip menguncup, ekor atau sirip mereput dan jangkitan fungus.

Jelannya sekiranya ia tidak dirawat akan memberi impak kepada warna dan tubuh ikan laga. Keadaan ini jika berterusan boleh menyebabkan ikan mati.

"Bagi menggemari ikan laga seperti saya, jadi mati akibat penyakit ini boleh

ikan laga di kedainya telah meningkat sehingga 100 peratus dengan kemunculan rama! penggemar baharu di seluruh negara.

"Hasil pengamatan saya, permintaan ikan laga ini mula meningkat dengan drastik ketika PKP. Mungkin ramai tertekan terpaksa bertukar di dalam rumah.

"Malah, ada antara pelanggan saya yang kehilangan kerja dan terpaksa menjadi penjual ikan laga bagi meneruskan kelangsungan hidup," katanya.

Mohd. Fajha mula terlibat dalam penjualan ikan laga sejak tahun 2012 secara kecil-kecilan di rumahnya di Kemaman, Terengganu. Pada tahun 2017, dia mengembangkan perniagaannya dengan membuka sebuah kedai dikenali sebagai Betta MFA Enterprise.

Menurut Mohd. Fajha, permintaan terhadap ikan laga merangkumi semua jenis seperti half moon, crown tail, double tail, gini dan big ear.

Dia memaklumkan, bekalan ikan diperolehi daripada penjual dari dalam negara dan sebarang laut seperti Thailand dan Indonesia.

Tambahnya, harga ikan laga adalah berbeza-beza mengikut umur, saiz, kombinasi warna, spesies dan keaktifannya di dalam air.

"Harga ikan laga di kedai saya bermula serendah RM3 hingga mencecah ribuan ringgit. Spesies ikan laga yang bernilai dan mendapat permintaan tinggi ketika ini adalah avatar.

"Saya pernah menjual sepasang ikan laga avatar dengan harga mencecah RM10,000," ujarnya.

Avatar merupakan sejenis ikan laga yang mempunyai warna bersinar pada badan dan ekornya seperti watak dalam filem Hollywood, Avatar.

Menariknya, hampir 80 peratus jualan ikan di kedainya adalah melalui platform media sosial seperti Facebook, Telegram dan WhatsApp.

Ceritanya, ikan yang dibeli akan dibungkus bersama air dan makanan sebelum dihantar kepada pelanggan melalui perkhidmatan kurier terpilih.

"Pembeli secara online ini adalah dari seluruh negara dan dihantar secara kurier. Setakat ini, tidak ada lagi ikan yang mati apabila diterima oleh pelanggan," katanya.



MOHD. FAJHA

dikatakan sebagai satu lumrah. Sudah banyak kali ikan kesayangan saya mati akibat penyakit.

"Salah satu penyakit yang aering berlaku adalah sirip menguncup atau bahu. Biasanya kulit nenas. Stok badan ikan akan mengkilap dan menjadi seperti kulit nenas," ujarnya.

Salah seorang penjual ikan laga, Mohd. Fajha Alias Mustafa, 30, berkata, trend peningkatan permintaan terhadap ikan laga mula ketara sejak pelaksanaan PKP pada Mac lalu. Katanya, permintaan terhadap

SPESES Betta nuluhon ini ditemui di kawasan Banjaran Crocker, Sabah.



Nama ikan laga dialek Dusun

IKAN laga adalah ikan air tawar yang tergolong dalam genus Betta dengan pusat kepelbagaian di sekitar Asia Tenggara.

Baru-baru ini, Jabatan Perlindungan Sabah melaporkan pihaknya menemui satu spesies ikan laga baharu Betta nuluhon.

Ikan laga yang ditemukan di kawasan Banjaran Crocker itu adalah hasil kerjasama pegawai penyelidikannya, Nur Syafiqah Shamsul Kani dengan Universiti Nasional Singapura (NUS) dan pertubuhan bukan kerajaan tempatan Forever Sabah.

Katanya, ia dinamakan sebagai Betta nuluhon dengan nuluhon bermaksud

bukit dalam dialek suku kaum Dusun.

"Ikan laga yang baharu ditemui ini biasanya terdapat di sungai cetek dengan aliran air yang jernih di barat Sabah.

"Dengan penemuan Betta nuluhon, Sabah kini mempunyai lima spesies ikan laga, kesemuanya endemik di Sabah," jelas kenyataan yang diedarkan kepada media itu.

Sementara itu, ahli taksonomi ikan tropika NUS, Dr. Tan Heok Hui berkata, Borneo merupakan rumah kepada 700 spesies ikan air tawar dengan 53 peratus adalah daripada endemik Borneo.

Dia menjangkakan beberapa lagi spesies ikan laga akan dijumpai di Sabah dalam masa terdekat.